

28/08/1999

Mahkamah tolak permohonan Star dengan kos

KUALA LUMPUR, Jumaat - Mahkamah Tinggi hari ini menolak dengan kos permohonan Star Papyrus Printing Sdn Bhd untuk menggantung perintah supaya ia menyediakan butiran lanjut saman yang dikemukakan oleh Mirzan Mahathir sehingga rayuan kes berkenaan didengar.

Hakim Datuk Hashim Yusoff membuat keputusan itu selepas mendengar permohonan berkenaan Selasa lalu.

Star Papyrus yang dinamakan sebagai defendan dalam saman malu RM150 juta yang dikemukakan oleh Mirzan, mengemukakan permohonan untuk menggantung perintah yang dikeluarkan oleh Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi pada 14 Ogos lalu.

Penolong Kanan Pendaftar mengeluarkan perintah supaya defendan memberi butiran itu dalam tempoh 14 hari dan jika gagal, pernyataan pembelaan defendan akan dibatalkan.

Permohonan defendan dikemukakan oleh peguam bela Muhammad Shafee Abdullah dan Bhag Singh, manakala Mirzan diwakili oleh Datuk V K Lingam serta R Thayalan.

Pada 28 Januari lalu, Mirzan memfailkan saman itu di Mahkamah Tinggi Sivil, Wisma Denmark di sini dan menuntut ganti rugi daripada Star Papyrus berikutan penyiaran artikel berkenaan.

Dalam pernyataan tuntutan, Mirzan mendakwa artikel itu memfitnahnya dengan membawa maksud beliau membina empayar perniagaannya bukan atas kemampuannya tetapi mendapat faedah daripada keistimewaan, nepotisme dan pilih kasih.

Sehubungan itu, katanya, perasaan dan nama baiknya dalam bidang perniagaan terjejas serta tercemar.

Menurutnya, artikel itu memberi gambaran beliau menjalankan perniagaan secara cuai, tetapi selamat kerana menyalahgunakan kedudukannya sebagai anak Perdana Menteri serta diselamatkan oleh kerajaan atas pengaruh bapanya.

Dalam pernyataan pembelaannya, defendan menafikan artikel yang disiarkan akhbar The Asian Wall Street Journal (AWSJ), memfitnah anak Perdana Menteri itu.

Sehubungan itu, Star Papyrus, anak syarikat Star Publications (M) Bhd yang mencetak AWSJ edisi Kuala Lumpur, akan membatalkan saman berkenaan jika Mirzan ingin meneruskan tuntutannya ke atas syarikat itu.

AWSJ dalam keluaran 4 Januari 1999 menyiarkan artikel bertajuk: Mahathir's eldest son limits ambitions (Cita-cita terhad anak sulung Mahathir) yang ditulis oleh G Bruce Knecht.

Star Papyrus mendakwa syarikat itu menyediakan sebuah bilik bagi menempatkan peralatan milik Dow Jones Publishing Company (Asia) Inc. untuk menerima negatif cetakan isi kandungan AWSJ daripada Dow Jones Hong Kong menerusi isyarat elektronik.

Defendan mendakwa, pihaknya juga menyediakan kakitangan untuk mengendalikan peralatan; kertas bagi mencetak berita; pembuatan plet dan pembungkusan akhbar AWSJ.

Sehubungan itu, defendan menafikan ia menerbit dan memberi kuasa bagi penerbitan akhbar berkenaan.

Selain menafikan artikel itu memfitnah Mirzan, defendan mendakwa anak Perdana Menteri itu memberi kebenaran kepada Knecht untuk menemubualnya pada 2 Disember 1998 di pejabatnya di Malaysia.

Defendan mendakwa, walaupun ia tidak wajib untuk memberi butiran

pembelaan, sebagai langkah berwaspada ia akan menyertakan butiran berkenaan.

Menurut defendan, Knecht seorang wartawan perniagaan dan ekonomi mempunyai pengalaman selama 13 tahun dalam penulisan mengenai individu yang terbabit dalam dimensi kewangan dan ekonomi berkaitan krisis serta pemulihan mata wang Asia.

Dalam jawapan kepada pembelaan itu, Mirzan mendakwa beliau mempunyai hak untuk memfailkan permohonan bagi membatalkan beberapa perenggan pembelaan dengan alasan ia tidak mendedahkan sebarang pembelaan munasabah.

Mirzan mendakwa, beliau menafikan memberi persetujuan untuk memberi temubual kepada Knecht dan mengambil risiko penerbitan artikel itu yang diedar secara meluas.

Menurutnya, Knecht tidak pernah memberitahunya sebelum atau selepas temubual itu untuk menulis artikel mengenainya secara peribadi dan hubungannya dengan Perdana Menteri.

Katanya, dalam temubual itu juga Knecht tidak menyoal atau meminta sebarang penjelasan berhubung dakwaan fitnah yang ingin disiarkan oleh AWSJ.

Mirzan berkata, Knecht hanya memberitahunya bahawa beliau sedang menyelidik satu cerita beberapa syarikat besar, termasuk Konsortium Perkapalan Bhd (KPB).

"Selepas temubual itu dan sebelum penerbitan dakwaan fitnah itu, Knecht tidak mendapatkan penjelasan atau memanjangkan salinan draf artikel yang dicadangkan untuk penerbitan kepada saya walaupun artikel itu memfokus saya secara peribadi dan bukan ke atas beberapa syarikat besar seperti yang ditanya olehnya.

"Artikel itu dan perkataan yang diadukan hanya mengenai saya secara peribadi, KPB dan syarikat yang saya mempunyai satu kepentingan.

Artikel ini tidak merujuk kepada sebarang syarikat besar seperti yang didakwa Knecht, katanya.

Sehubungan itu, katanya, Knecht berniat jahat ketika menemubualnya dan menerbitkan dakwaan yang memfitnahnya.

(END)